



Dr **Mohd Yahya Mohd Ariffin**

(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Format penulisan resume

Selain surat permohonan, perkara asas dalam setiap permohonan kerja ialah resume. Resume ialah satu dokumen bertulis yang ringkas dan tepat menggambarkan peribadi, pendidikan dan kelayakan profesional serta pengalaman calon.

Maklumat itu ialah komunikasi bertulis yang berfungsi sebagai dokumen pengenalan diri calon kepada bakal majikan dan memandangkan mereka tidak mengenali calon, resume berperanan memberi gambaran mengenai diri calon.

Sebenarnya, resume bukanlah alat komunikasi untuk mendapat pekerjaan sebaliknya bertujuan untuk dipanggil ke sesi temu duga. Terdapat pelbagai jenis format penulisan resume yang

dicadangkan oleh mereka yang arif dan boleh didapati dalam buku-buku di pasaran atau Internet. Dengan merujuknya, calon mungkin dapat menghasilkan satu resume yang terbaik.

Apa yang penting, setiap resume yang dibuat harus mudah dibaca, kemas tulisannya selain menggunakan helaian kertas yang bersih. Maklumatnya hendaklah tepat dan terkini. Panjangnya antara satu hingga dua halaman bergantung kepada banyak mana maklumat penting yang dimasukkan. Ingatlah, resume ialah rekod mengenai diri calon dan bukan riwayat hidup calon.

Penulisan yang baik harus dipersembahkan secara tersusun, bermula dengan foto calon yang diletakkan pada bahagian atas, diikuti latar diri, pendidikan, pengalaman kerja, anugerah yang diperolehi, pembabitan kokuriku-

lum dan diakhiri nama penyokong yang boleh memberi keterangan mengenai diri calon.

Selain itu, penulisanannya harus mengikut urutan masa, sebaiknya yang terkini diikuti maklumat terdahulu supaya bakal majikan mudah merujuknya. Lazimnya, ketika temu duga pegawai penemu duga akan bertanya mengenai apa yang dilakukan anda sekarang, bukan apa yang dilakukan waktu dulu.

Resume harus ditulis dalam bahasa Inggeris kerana pihak swasta

mengutamakan bahasa itu dalam urusan pengambilan pekerja. Mintalah bantuan pensyarah atau rakan yang mahir bahasa itu untuk menyemak resume supaya dapat menghasilkan yang terbaik. Resume ini hendaklah dihantar kepada bakal majikan berserta surat permohonan kerja.

Suka diingatkan supaya tidak memalsukan atau mengada-adakan sebarang maklumat dalam resume kerana tindakan itu boleh memerangkap calon jika ditanya oleh penemu duga.

Kesimpulannya, calon harus mengambil kira beberapa aspek penting ketika menyediakan resume kerana dokumen itu menceritakan apa yang dimiliki, kelebihan dan pencapaian.

Sebagai panduan, di sebelah ialah contoh resume yang dibuat berdasarkan pelbagai sumber rujukan.

Maklumat Peribadi



Nama: Nurul Huda Abdullah
 No. kad pengenalan: 890101-06-1212
 Alamat: No 3, Jalan Kiambang 3/3, Taman Mawar, 36000 Teluk Intan, Perak.
 No. telefon: +605-33554211
 No. telefon bimbit: +6012-50066700
 E-mel: huda@gmail.com
 Tarikh lahir: 1 Januari 1989
 Jantina: Perempuan
 Umur: 24 tahun
 Status perkahwinan: Bujang
 Warganegara: Malaysia
 Status kesihatan: Baik

Pendidikan

2008-2012: Sarjana Muda Komunikasi, Universiti Sains Islam Malaysia, PNGK: 3.75
 2007-2008: Program Matrikulasi, Kementerian Pelajaran Malaysia

Pengalaman Kerja/Latihan Industri

Februari-Mei 2012: Latihan industri di ABC Communication Sdn. Bhd.

Anugerah dan Pencapaian

2009-2011: Anugerah Dekan
 2010: Kejohanan Seni Silat Antara Universiti Malaysia - Johan
 2010: Pertandingan Catur Piala Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia - Johan

Aktiviti

2009-2011: Mewakili Universiti Sains Islam Malaysia dalam Acara Seni Silat
 2009-2010: Setiausaha Persatuan Komunikasi Universiti Sains Islam Malaysia

Kemahiran Khusus

Bahasa
 Fahsi secara tulisan dan lisan: Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab
 Penguasaan asas: Bahasa Mandarin

Komputer

Mahir menggunakan Microsoft Office (Word, Excel, Powerpoint dan Publisher)

Penyokong

1. Dr Musa Ibrahim
 Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia
 No. telefon: +606-7988000
 E-mel: musaibrahim@hotmail.com
2. Dr Ahmad Zaki Faizal
 Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia
 No. telefon: +606-7988005
 E-mel: ahmadzaki@gmail.com

Penulis ialah Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia